



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Azman Hashim  
International Business School

## EXTRA-CURRICULAR EXPERIENTIAL LEARNING

(ExCEL)

UKQE 3001 - 04

### ASSIGNMENT 1: REFLECTION REPORT 1

#### **AKTIVITI 1:**

#### **WEBINAR SECURING YOUR INTERVIEW SESSION AND JOB HUNTING**

**DISEDIAKAN OLEH :**

NAMA : MUHAMMAD ALIFF DANIAL BIN SHARIDAN

NO. MATRIK : B19BS0011

KURSUS : MANAGEMENT OF TECHNOLOGY (3 SBSD)

FAKULTI : AZMAN HASHIM INTERNATIONAL BUSINESS SCHOOL

**DISEMAK OLEH :**

DR. SYAHARIZATUL NOORIZWAN MUKTAR

Program : Webinar Securing Your Interview Session And Job Hunting.

Tarikh : 18 April 2021

Platform : Webex

## 1. REPORTING

Pada 18 April 2021 yang lalu, saya telah menyertai sebuah sesi perkongsian webinar yang bertajuk “*Securing Your Interview Session And Job Hunting*”. Webinar ini telah dianjurkan oleh kumpulan pelajar dari khursus SBSD2033 Komunikasi Perniagaan yang telah diselenggarakan oleh Dr. Teh Zaharah Yaacob.

Webinar ini telah menjemput seorang *speaker* atau penceramah yang sangat berpengalaman iaitu Encik Amirul Fadzil yang merupakan penyandang Penolong Naib Presiden di bahagian *Talent Management And Organizational Development* di Syarikat Sime Darby Group. Beliau mempunyai kelulusan Master of Business Administration dari Victoria University, Melbourne Australia. Sebelum itu, beliau bermula dengan menyambung pelajaran di peringkat Diploma Perikanan di UPM dan menyambung ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Perniagaan.

Sesi webinar ini telah berlangsung selama satu jam setengah, bermula tepat pada pukul 2 sehingga 3.30 petang. Seramai 325 orang pelajar termasuk diri saya sendiri telah menyertai program ini. Webinar bermula dengan ucapan dan kata aluan dari moderator yang juga merupakan rakan sekelas saya iaitu Natalumaksita Kinanthi, seterusnya program menjemput Dr. Teh Zaharah bagi memberikan sepatah dua kata sebelum diteruskan dengan acara utama dari penceramah jemputan.

Objektif utama webinar ini diadakan adalah untuk berkongsi pengalaman perjalanan karier beliau dalam menempatkan diri di dalam syarikat-syarikat yang ternama dan berjaya di Malaysia. Juga, webinar ini memberi peluang kepada peserta untuk belajar dan mengetahui teknik dan cara yang efektif dalam mengharungi sesebuah sesi temubual yang formal atau “*formal interview*”, dan cara alternatif yang dapat digunakan dalam mencari sesuatu jawatan atau pekerjaan.

Antara isi utama yang telah dikongsi oleh penceramah adalah bagaimana cara kita mempersembahkan diri kepada syarikat, medium atau platform yang terbaik, dan cara memanfaatkan dan menggunakan peluang serta ruang yang tersedia secara terbuka selama ini yang kita tidak nampak bagi memudahkan kita menempatkan diri dalam bidang kerjaya. Ini telah dibuktikan dengan pengalaman dari speaker yang pernah bekerja di beberapa buah syarikat seperti di HSBC Malaysia, Standard Chartered dan Citibank Berhad, sebelum berkhidmat di Sime Darby.

Seperti yang kita sedia maklum sesi temubual atau “*interview*” adalah merupakan kebiasaan dan sering dijalankan dalam bidang kerjaya profesional, terutamanya ketika sesi merekrut perkerja dan tenaga kerja baru. Sebagai seorang mahasiswa, saya merasakan perkongsian melalui webinar yang dijalankan ini adalah sangat penting dan memberi manfaat kepada saya untuk melangkah ke dunia pekerjaan profesional ketika menjalani latihan industri pada semester akhir nanti dan setelah tamat belajar.

## 2. RESPONDING

Melalui program perkongsian webinar yang diadakan ini, apa yang boleh saya katakan ianya adalah sangat berbaloi. Saya merasakan webinar ini telah memberi pelbagai input-input penting kepada diri saya yang saya perlukan selama ini. Teknik-teknik dan tips yang dikongsi oleh Encik Amirul sangat membantu saya dalam membuat persediaan bagi menempuh dunia pekerjaan setelah tamat program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi yang sedang saya jalani sekarang.

Salah satu impak yang besar saya terima melalui webinar ini adalah apabila penceramah menyatakan bahawa sebagai seorang pelajar atau mahasiswa, kita perlu menyiapkan diri sepenuhnya sebelum melangkah dan menerima sesuatu jawatan di dalam syarikat. Persiapan diri yang mencukupi dan lengkap membantu kita berada dalam posisi yang lebih stabil dan senang untuk bekerja dan menimba ilmu seterusnya meningkatkan mutu kualiti kerja.

Sebagai seorang '*recruiter*', setelah beberapa tahun dibahagian *Talent Management* di Sime Darby, Encik Amirul berkongsi beberapa kunci utama yang pengurus atau penemubual cari dan ingin lihat dalam diri mahasiswa yang datang ke sesi temubual. Petua pertama yang dapat saya hadam ketika sesi webinar tersebut ialah sebagai seorang graduan universiti, saya perlu tunjuk bahawa saya telah menguasai apa yang telah saya belajar dan mempromosikan keupayaan atau '*soft skills*' yang saya ada dalam bidang itu untuk sesuatu jawatan tersebut.

Di samping itu, saya perlu ada kemahuan atau '*willingness*' dalam diri sendiri untuk menempatkan diri dalam pekerjaan yang kita ceburi. Hal ini kerana, melalui ekspresi dan pembentangan ketika sesi temubual, pemeriksa atau pengurus dapat membaca dan melihat kesungguhan dan komitmen yang ingin kita sampaikan.

Dalam pada masa yang sama, saya tertarik apabila beliau berkongsi tips dimana sebagai lepasan universiti yang akan menjalani pelbagai sesi temu bual pada masa akan datang, saya perlu tahu latar belakang syarikat tersebut, sejarah ringkas, termasuk visi dan misi mereka. Ini sedikit sebanyak dapat membantu saya untuk berasa lebih dekat dan menarik minat pendengar ketika sesi temu bual tersebut .

Secara peribadi, saya amat bersetuju dengan hujah dan perkongsian yang diberikan tersebut. Ini kerana, sebelum ini saya merupakan seorang graduan Diploma dari Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTMKL) dari tahun 2016 sehingga 2019, dan saya pernah mempunyai pengalaman menjalani latihan industri sebelum ini. Berdasarkan pengalaman saya yang lepas, saya juga merasakan persiapan diri seperti itu adalah sangat penting termasuk dari segi fizikal dan mental.

Dari pengalaman saya menjalani latihan industri ketika di peringkat Diploma, saya merasakan tips yang diberikan oleh Encik Amirul adalah sangat relevan dan penting bagi saya. Hal ini kerana, ketika saya di semester akhir, saya mendapat tawaran untuk menjalani latihan industri di Pejabat Giatmara Negeri Sembilan, iaitu merupakan salah satu badan berkanun kerajaan. Saya perlu menjalani sesi temubual terlebih dahulu sebelum melayakkan diri ke agensi tersebut. Dalam sesi itu, saya telah ditanya tentang apakah yang saya tahu tentang latar belakang syarikat tersebut, operasi utama yang mereka jalankan serta sebab saya memohon untuk menjalani praktikal di situ.

Pada waktu itu, saya akui masih kurang persediaan dan pengetahuan untuk menempuh sesi temubual tersebut, dan tidak mampu menjawab beberapa soalan yang diajukan dengan tepat sehingga saya merasakan permohonan saya tiada harapan dan akan ditolak serta merta. Dari pengalaman itu, saya boleh melihat dengan jelas tips persediaan yang disampaikan oleh penceramah dengan perspektif yang lebih luas.

### 3. RELATING

Sebagai seorang pelajar yang menceburi dalam bidang pengurusan, saya sudah semestinya tidak mahu melepaskan peluang untuk menimba ilmu dan pengetahuan baru dalam perkongsian webinar kalini ini. Setiap satu perkongsian dan maklumat yang diberikan dapat saya hadam dan memperkemaskan lagi kemahiran diri dalam menempuh sesebuah sesi temubual dan mencari bidang kerjaya yang saya hajati.

Banyak input yang dikongsikan dalam program ini membuka mata saya untuk lebih memanfaatkan kemudahan yang sedia ada disekeliling. Mungkin selama ini saya dan mungkin rakan-rakan yang lain tahu tentang kemudahan yang tersedia kepada kita namun tidak menggunakan platform itu dengan sebaiknya. Sebagai contoh, laman sesawang dan aplikasi LinkedIn dan JobStreet. Menurut Encik Amirul, aplikasi-aplikasi yang tersedia secara ‘online’ ini telah membantu dirinya sepanjang mendapatkan pekerjaan sebelum ini selepas tamat belajar sehinggalah ke hari ini.

Apa yang membuatkan saya teruja dan rasa lebih menarik, jawatan yang disandang beliau di Sime Darby Group harini adalah bukan atas kehendaknya. Beliau tidak pernah memohon apa-apa jawatan di syarikat itu, sebaliknya pihak Sime Darby sendiri telah menghubungi dan menawarkan peluang pekerjaan kepada beliau menerusi profil LinkedIn. Bagi saya ini merupakan sesuatu perkara yang amat membanggakan. Ini kerana, saya selama ini memandang enteng dan remeh tentang kebaikan aplikasi seperti ini yang hanya terletak pada hujung jari dalam mencari peluang pekerjaan.

Mendengar cerita yang dikongsikan itu, saya dapat mengaitkan pengalaman beliau dengan apa yang telah saya belajar. Pada semester kedua yang lalu, saya ada mengambil kursus Teknologi Maklumat dalam Perniagaan yang diajar oleh Dr. Nazmona. Salah satu sub topik ‘*individual assignment*’ yang saya perlu laksanakan adalah mencipta dan mengemas kini profil

LinkedIn mengikut format yang tepat dan professional. Di situ saya belajar cara untuk saya mencipta *online resume* dan menggunakan platform tersebut sebagai tempat saya memperkenalkan diri sebagai mahasiswa dalam bidang yang saya ceburi serta memperomosikan pengalaman, kemahiran, pendidikan dan pencapaian saya. Juga, tugas ini perlu sentiasa dikemaskini sepanjang semester untuk dinilai.

Pada ketika itu, saya langsung tidak nampak akan kepentingan mengemaskini profil LinkedIn secara kerap dapat membantu pembelajaran saya, dan saya hanya melaksanakan tugas tersebut atas arahan untuk melengkapkan tugas tersebut. Ini kerana, mungkin saya telah terbiasa dengan kaedah tradisional yang sering orang ramai gunakan iaitu dengan menyediakan resume dan surat CV dan menghantar secara e-mail atau '*walk in*' kepada syarikat-syarikat yang ingin dipohon, sepertimana saya mencari syarikat untuk latihan industri dahulu.

Dari webinar ini, kini saya sedar akan kemudahan yang tersedia di depan mata selama ini adalah sangat berguna dan tidak dimanfaatkan dengan sebaiknya. Walhal, saya sedar penggunaan sosial media dan rangkaian profesional seperti ini telah lama wujud dan digunakan dalam dunia kerjaya. Menurut En. Amirul, tiga syarikat yang beliau bekerja sebelum ini juga didapati menerusi JobStreet, yang dimana ketika itu sosial media dan aplikasi mencari pekerjaan secara atas talian adalah sangat terhad dan tidak banyak pilihan. Disini saya belajar, saya perlu sentiasa merebut peluang dan menggunakan semua kemudahan teknologi yang tersedia disekeliling saya sebaiknya.

#### 4. REASONING

Secara jujurnya ini merupakan webinar pertama yang saya sertai berkaitan ceramah kerjaya seperti ini. Namun, apabila saya tahu berkenaan webinar yang diadakan ini adalah berkaitan dengan memperkasakan teknik dalam sesi temubual dan mencari pekerjaan, saya rasa tertarik dengan apa yang akan disampaikan.

Walaupun hari webinar ini berlangsung pada hari Ahad dan saya sedang cuti kerana tiada sebarang kelas pada hari itu, namun, ketika rakan saya memberitahu bahawa penceramah jemputan ini adalah merupakan orang yang terlibat secara langsung dan menyandang jawatan untuk merekrut pekerja baru terutamanya '*fresh graduates*' di Sime Darby, perasaan ingin tahu saya jadi lebih mendalam. Ini kerana, apabila saya lihat tajuk atau tema webinar yang akan disampaikan, saya terbayang akan pengalaman ketika saya menjalani latihan industri selama lima bulan di sebuah agensi kerajaan yang lalu.

Saya masih merasakan terdapat banyak kekurangan untuk saya perbaiki, terutamanya setelah saya gugup dan belum cukup bersedia ketika sesi temubual oleh pengarah syarikat sebelum ini. Bagi saya, ia merupakan salah satu pengalaman yang agak 'ngeri' dan sangat mendebarkan. Jadi, saya menyertai webinar ini adalah untuk menganalisa kelemahan dan kekurangan yang saya ada.

Sepanjang webinar berlangsung, saya cuba memahami setiap intipati dan teknik yang disampaikan dan menghubungkannya dengan keupayaan saya. Pada penghujung sesi webinar, saya sempat mengambil peluang untuk bertanyakan dua soalan kepada Encik Amirul pada sesi soal jawab (Q&A). Soalan saya adalah, bolehkah kita sebagai '*fresh graduates*' berunding atau '*demand*' kadar bayaran gaji ketika sesi temubual, dan soalan kedua ialah cara atau tips terbaik untuk menghantar resume kepada syarikat.

Jawapan yang dikongsikan dari beliau adalah sebagai lepasan graduan, saya perlu terlebih dahulu tahu kadar gaji minima untuk jawatan yang saya pohon ketika sesi temu bual tersebut sebelum membuat perundingan bayaran gaji. Juga, beliau berkongsi tips resume terbaik yang pernah beliau dapat ketika sesi temubual adalah melalui digital CV dan video resume yang ringkas selama 30 saat. Saya amat berpuas hati dengan jawapan yang diberikan oleh Encik Amirul dan agak terkejut kerana ianya adalah sangat kreatif dan di luar jangkaan saya.

## 5. RECONSTRUCTING

Secara tuntas terhadap program webinar “*Securing Your Interview Session And Job Hunting*” ini, saya dapat simpulkan bahawa saya telah mempelajari pelbagai ilmu baru dan intipati penting yang saya rasa amat berguna buat saya dan rakan-rakan yang lain. Saya berasa amat bertuah kerana berpeluang menyertai sesi webinar ini dan menimba pengetahuan baru dari Encik Amirul sebagai speaker yang sangat berpengalaman.

Apa yang boleh saya rumuskan sepanjang sesi webinar ini adalah, ianya sangat lengkap, dan tersusun menjadikan saya sebagai peserta berasa amat senang dan mudah untuk menyesuaikan diri dalam sesi ini. Modul dan pembentangan slides oleh penceramah adalah sangat mudah difahami dan selari dengan konteks isi yang ingin disampaikan.

Satu perkara yang saya lihat harus diberi pujian adalah masa selama satu jam setengah yang dirancang bagi program ini digunakan sepenuhnya dengan sangat baik. Secara kebiasaannya, kita tahu sesi webinar sering meleret dan menjadikan sesi webinar itu sendiri dalam mood yang agak hambar.

Namun bagi saya ianya berbeza dengan program kali ini. Ini merupakan salah satu webinar yang saya rasa agak menarik perhatian dengan penyampaian yang ‘catchy’ membolehkan saya berasa sentiasa tertunggu-tunggu dengan idea dan isi yang ingin disampaikan.

Sudah tentu nilai yang saya peroleh dari webinar ini sangat bermakna dan memberi kesan yang baik terhadap diri saya secara peribadi. Saya dapat mendalami semua ilmu yang disampaikan bagi menghadapi sebuah sesi temubual yang baik dan mencari peluang pekerjaan yang efisien.

Semua ilmu yang saya peroleh ini amat penting buat saya untuk mencari peluang pekerjaan di syarikat-syarikat yang bakal saya mohon untuk menempatkan diri bagi latihan industri yang akan saya tempuh pada semester akhir pada tahun hadapan. Dari webinar ini, saya sedar bahawa saya perlu mempersiapkan diri untuk menempuh alam pekerjaan yang sebenar setelah tamat pengajian di UTM. Saya akan berusaha menggunakan dan aplikasikan semua tips dan pengetahuan dalam bidang ini dengan sebaik mungkin serta mempertingkatkan kemahiran diri dengan tidak mengulangi kesalahan dari pengalaman yang lalu.

## LAMPIRAN



Azman Hashim  
International Business School

### SECURING YOUR INTERVIEW SESSION AND JOB HUNTING

**SPEAKER**  
**MR. AMIRUL FADZIL**  
ASSISTANT VICE PRESIDENT, TALENT  
MANAGEMENT & OD, SIME DARBY



2.00 - 3.30 PM  
SUNDAY, 18 APRIL 2021  
<https://bit.ly/39Lcgjr>

E-CERT & UTM MERIT PROVIDED!

SCAN ME!



**MODERATOR**  
NATALUMAKSITA KINANTHI  
PRADNYA PARAMITHA

LEAD BY:  
DR. TEH ZAHARAH  
SBSD 2033

OPEN TO ALL UNDERGRADUATE STUDENTS

UTM  
5 Star QS Overall Rating  
TOP 40 Best Universities in Asia  
TOP 20 Best Universities in Malaysia

[www.utm.my](http://www.utm.my)

1 unimalek@utmsys.com  
2 unimalek@utmsys.com  
3 unimalek@utmsys.com



Azman Hashim  
International Business School

### Certificate of Participation


Is Hereby Awarded To

**MUHAMMAD ALIFF DANIAL**

As a Participant in Webinar Program

**SECURING YOUR INTERVIEW  
SESSION AND JOB HUNTING**

On 18th of April, 2021



Prof. Dr. Nur Naha Binti Abu Mansor  
DEAN

Azman Hashim International Business School  
Universiti Teknologi Malaysia  
Johor Bahru